

Headline	25 tumbuhan jadi ubat		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	20 Dec 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	25	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	118 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,631
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,893



## DEWAN NEGARA

# 25 tumbuhan jadi ubat

**S**ebanyak 25 spesies daripada 500 tumbuhan ubatan dikenal pasti untuk dibangunkan sebagai produk prototaip yang boleh dikomersialkan, sidang Dewan Negara diberitahu, semalam.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Hamim Samuri berkata, spesies itu kini dianalisis dan diuji oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

“Ujian itu antara lain meliputi fitokimia (ujian kimia), penentusahkan aktiviti bio-

logi, antidiabetik, antioksidan, antimikrob, antikanser, antiprotozal dan tahap keselamatan,” katanya.

Beliau menjawab soalan asal Senator Isa Ab Hamid mengenai usaha mempaten produk herba Orang Asli oleh FRIM dan jumlah produk yang telah dipatenkan dan dikomersialkan.

Hamim berkata, untuk rekod, dua produk prototaip ‘Semelai Secret’ daripada pengetahuan tradisi kaum Semelai telah dibangunkan berdasarkan projek perintis pada tahun 2013 hingga 2014.

Tiga produk prototaip

‘Pengloy Semai’ daripada pengetahuan tradisi kaum Semai dibangunkan dari tahun 2014 hingga tahun ini, katanya sambil menambah, FRIM juga sudah mendo-kumenkan pengetahuan tradisi 17 daripada 18 sub-etnik Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Hamim berkata, aktiviti dokumentasi itu adalah satu daripada inisiatif bagi memelihara pengetahuan tradisi Orang Asli berkaitan tumbuhan ubatan yang mempunyai nilai ekonomi dan menghalang kecurian bio dan salah guna.

- BERNAMA